



ANWAR Ibrahim dalam sidang akhbar selepas Pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Madani Tahun 2025 di Pusat Kepimpinan Petronas, Bangi, semalam.

Prestasi jemaah menteri membanggakan - PM

Oleh **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

BANGI: Prestasi para menteri sangat membanggakan apabila menunjukkan keprihatinan tinggi dan mengambil serius dengan mendengar setiap keluhan rakyat serta menanganinya dengan penuh tanggungjawab.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tidak semua menteri dalam keadaan sempurna malah mereka menunjukkan prestasi yang membanggakan.

Kata beliau, setiap menteri diberi ruang untuk melontarkan pendapat serta mendengar kritikan serta kecaman daripada rakyat.

“Sebenarnya dalam sidang ini bukan sahaja ruang untuk menteri mengemukakan pandangan tetapi mereka terpaksa dengar laporan rakan-rakan akademik, penjawat awam dan mendengar teguran kritikan

dan cadangan

“Kemudian kita beri ruang kepada menteri untuk memberikan pandangan mereka tentang iltizam dan komitmen mereka untuk meningkatkan prestasi

“Kalau setakat ini, saya tidak mengatakan semua menteri sempurna tetapi prestasinya membanggakan kerana mereka ambil serius terhadap kerja mereka dan ambil serius teguran yang mereka terima dan mengambil langkah yang perlu untuk membaiki prestasi,”katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Madani Tahun 2025, di Pusat Kepimpinan Petronas, di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid; Timbalan Perdana Menteri merangkap

Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sham-sul Azri Abu Bakar.

Terdahulu, Anwar berkata, jemaah menteri perlu untuk sentiasa terbuka dalam menerima kritikan bagi membantu dan memperbaiki kelompongan yang terdapat dalam kerajaan.

Kata beliau, selain itu perlunya ada kesatuan dan kebersamaan di dalam Jemaah Menteri sekali gus berfungsi sebagai sebuah kerajaan Madani yang benar-benar mengangkat suara serta kehendak rakyat.

“Saya tegaskan bahawa marcapada (dunia masa kini) hari ini termasuk situasi geopolitik dan teknologi, menuntut mana-mana kerajaan untuk bergerak pantas dan berubah agar terus kekal relevan dan berfungsi dengan baik kepada seluruh lapisan masyarakat,”katanya dalam Facebook beliau.